

30/09/2001

Keganasan, ekstremisme boleh hancurkan masa depan negara

Syed Akbar Ali

MURSYIDUL Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat mengambil cara yang paling mudah untuk menjelaskan kegagalan kerjasama antara Pas dan DAP. Beliau berkata DAP sengaja tidak mahu memahami Islam. Kenyataan seperti ini menunjukkan sifat takbur yang menghina bekas rakan mereka dan juga Islam.

Kenyataan Nik Aziz memberi gambaran seolah Islam itu susah difahami. Sebenarnya belum tentu jika perjuangan Pas benar-benar berlandaskan Islam. Misalnya agama Allah tidak membenarkan kita bercakap bohong. Begitu juga kita tidak boleh menggunakan agama Allah untuk menyokong orang yang didapati salah menyalahgunakan kuasa.

Itu adalah perbuatan derhaka kepada agama dan sahkan kita sebagai orang munafik. Kita juga akan ditimpa bala yang besar.

Nik Aziz pernah berkata orang bukan Islam tidak dapat menerima Islam kerana mereka tidak diberi tarbiah agama yang betul. Tetapi jika agama Pas itu betul, apakah sebabnya mereka gagal mentarbiahkan agama mereka kepada DAP selepas 22 bulan berbulan madu?

Kegagalan Pas untuk menjelmakan nasihat Mursyidul Am mereka sendiri membuktikan Pas masih tidak jelas mengenai Islam. Apa yang mereka perjuangkan sebenarnya adalah fahaman mereka sendiri.

Itulah sebabnya apabila Perdana Menteri mencabar Pas agar menghuraikan secara terperinci mengenai corak negara Islam yang mereka mahukan, pemimpin Pas seperti Haji Hadi Awang menjadi gelabah. Mereka terpinga-pinga dan mengelak daripada menjawab soalan Dr Mahathir yang sepatutnya paling mudah bagi mereka. Sebaliknya, Pas memberi seribu alasan tidak mahu menjelaskan konsep negara teokratik mereka. Hadi berkata tidak perlu dibincang soalan seperti itu dan lebih penting untuk memenangi pilihan raya dulu.

Puak Taliban percaya mereka sudah menegakkan sebuah negara Islam. Mereka boleh menembak mati wanita bersalah di tengah padang bola. Arab Saudi juga percaya mereka sudah menegakkan negara Islam. Negara Iran pun percaya mereka adalah negara Islam yang tulen dan mengambil nama Republik Islam Iran tetapi dalam negara kita pula orang Syiah digelar sesat. Malah Sudan dan Pakistan pun percaya mereka adalah negara Islam.

Disebabkan kekeliruan yang sebegini teruk, Lim Kit Siang pernah menyeru supaya Pas mengadakan satu forum terbuka untuk menjelaskan konsep negara teokratik mereka. Pas terpaksa menolak cadangan Kit Siang kerana selain daripada berkata sunnah dan hadis, Pas sendiri tidak tahu apakah bentuk negara teokratik yang mereka laungkan itu.

Bukan saja Pas tetapi semua ahli pakatan pembangkang sebenarnya keliru dengan peranan masing-masing sebagai parti pembangkang. Itulah sebabnya pakatan pembangkang sekarang terurai dan bekas ahlinya sudah mula bercakaran secara terbuka.

Keadilan juga menyatakan ketidaksokongan mereka terhadap konsep negara keagamaan Pas atas sebab yang sama. Parti Rakyat Malaysia pula yang terpaksa menyokong Keadilan dalam membantah negara teokratik Pas, masih belum diterima lamaran mereka untuk bernikah dengan parti Keadilan.

Ramai ahli Parti Rakyat Malaysia terutama sekali di negeri Johor tidak setuju parti itu diambil alih oleh Keadilan. Dan ramai ahli Keadilan tidak setuju jika pemimpin Parti Rakyat Malaysia yang paling sedikit ahlinya, diberi jawatan tinggi dalam parti gabungan yang masih belum menjelma itu.

Pimpinan tertinggi Parti Rakyat Malaysia seolah-olah sudah menyerah kalah kerana sepanjang masa menjalin kerjasama dalam pakatan pembangkang

parti itu tetap gagal dalam pilihan raya. Walaupun dicadang sebagai satu gabungan, mereka rela juga jika Parti Rakyat terus diambilalih saja oleh Keadilan. Mereka berada dalam keadaan nazak.

Kekalahan teruk yang dialami Keadilan dan Pas pada pilihan raya negeri Sarawak juga menyuluh masalah pencalonan wakil pembangkang dan pemilihan calon pembangkang.

Kesemua parti pembangkang gagal dalam pakatan kerana mereka tidak mahu bertolak ansur sesama sendiri. Parti pembangkang menggunakan taktik memberi harapan palsu kepada penyokong dengan manifesto mereka yang jelas adalah sia-sia belaka. Apakah manifesto yang boleh menyokong pencalonan seorang Islam yang mengaku secara terbuka pernah melakukan hubungan seks secara haram?

Ramai penyokong parti pembangkang dari kalangan bukan Islam juga amat gembira dengan keputusan DAP untuk menarik diri daripada pakatan pembangkang.

Tetapi mereka masih tidak mengundi pakatan pembangkang di pilihan raya Sarawak kerana mereka khuatir budaya ganas dan ekstremisme yang kian berleluasa. Penarikan diri DAP sekarang menimbulkan masalah bagi ahli Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia. Mereka berada dalam dilema kerana Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia masih menjalin kerjasama dengan Pas. Tambah lagi sahabat mereka yang beragama Islam dalam kedua-dua parti itu menunjukkan sifat hipokrit kerana mereka telah menolak negara teokratik Pas. Di manakah mereka duduk dan apakah pendirian mereka sekarang?

Pilihan raya negeri Sarawak menandakan penghabisan kerjasama antara parti pembangkang buat pusingan ini. Lebih daripada itu, keputusan pilihan raya Sarawak ini membuktikan bahawa formula Barisan Nasional adalah satu-satunya formula unggul yang khusus bagi negara kita dan penduduk kita yang berbilang kaum, bangsa dan agama.

Kerjasama antara parti komponen Barisan Nasional adalah suatu perkara yang luar biasa yang lahir hasil kesedaran rakyat kita sendiri bahawa walaupun kita mempunyai latar belakang yang sungguh berbeza tetapi kita semua mempunyai cita-cita dan hasrat yang sama. Kita ingin maju dan mencapai tahap pembangunan dan keselesaan hidup yang dapat menandingi negara maju.

Cara untuk mencapai tujuan ini sudah jelas. Apa yang diperlukan adalah untuk meningkatkan tahap rakyat berilmu yang boleh berdikari untuk majukan bangsa dan negara sendiri. Kejayaan formula ini amat bergantung kepada suasana yang stabil dan harmonis dalam negara kita. Keganasan dan fahaman ekstremisme akan menghancurkan masa depan kita dan membuka peluang kepada musuh-musuh kita menyeludup angkara ganas mereka di kalangan kita.

Kita tidak perlu mereka cipta sebarang falsafah baru untuk memajukan negara dan bangsa kita. Kita tidak perlu untuk membela nasib sebarang individu yang didapati salah menyalahgunakan kuasa untuk menyelamatkan negara kita. Kita tidak perlu kepada fahaman sosialis atau neososialis yang membawa bencana kepada banyak negara dalam dunia ini.

Kita juga tidak perlu kepada politik ekstremis perkauman yang tidak mahu ambil kira perbezaan ekonomi, sosial dan politik antara kaum yang masih wujud dalam negara kita. Kita juga tidak perlu kepada geng-geng serban yang percaya bahawa budaya Arab atau budaya Taliban perlu untuk menyelamatkan negara kita.

Rakyat kita lebih suka kepada budaya dan bahasa kita sendiri yang mampu untuk terus maju mengikut petunjuk Maha Suci Allah dan rasul-Nya.

(END)